

**SOALAN-SOALAN LISAN
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI SELASA, 20 OGOS 2013**

Y.B. CIK WONG SHU QI (SENAI)
SOALAN 29 (A83)

Sila nyatakan jumlah kilang kitar semula di seluruh negeri mengikut daerah serta syarat atau undang-undang yang perlu dipatuhi oleh kilang tersebut agar kualiti alam sekitar sekeliling tidak akan terjejas.

JAWAPAN Y.B. DATUK HAJI AYUB BIN RAHMAT

Berdasarkan rekod Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor pada tahun 2013, terdapat sejumlah 25 premis kilang kitar semula dengan pecahan mengikut daerah seperti berikut : Batu Pahat – 3, Johor Bahru – 18, Kulai – 3 dan Muar – 1.

Syarat atau undang-undang yang perlu dipatuhi oleh kilang tersebut agar kualiti alam sekeliling tidak akan terjejas adalah perlu mematuhi Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih), 1978 ; Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian), 2009 ; Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual), 1989 dan Seksyen 29A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 .